



SIARAN MEDIA

PLANETARIUM NEGARA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

LAWATAN DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR KE PLANETARIUM NEGARA SEMPENA “IJTIMAK UNGGUL (GREAT CONJUNCTION) MUSYTARI DAN ZUHAL”

KUALA LUMPUR, 21 DISEMBER 2020 - Planetarium Negara merakaf sembah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas perkenan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir bercemar duli untuk berangkat ke Planetarium Negara pada hari ini sempena Program Ijtimak Unggul (*Great Conjunction*) Musytari dan Zuhal. Lawatan ini adalah lawatan peribadi baginda.

Turut berkenan berangkat ke lawatan ini ialah anakanda baginda YAM Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz dan YAM Tunku Zain Al-'Abidin Ibni Tuanku Muhriz. Lawatan ini turut dihadiri oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YBhg. Datuk Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Dato' Parang Abai @ Thomas, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan STI) MOSTI dan YBhg. Dato' Seri Dr Mazlan Othman, Pakar Astrofizik Negara.

Lawatan ini diadakan adalah bersempena berlakunya fenomena astronomi yang unik iaitu Ijtimak Unggul (*Great Conjunction*) Planet Musytari dan Zuhal. Fenomena yang jarang berlaku ini memberi peluang

kepada seluruh rakyat melihat planet Musytari dan Zuhal berada pada kedudukan sejajar yang sangat hampir di antara satu sama lain. Kedua-dua planet itu dapat dilihat dari bumi sejajar dengan hanya 0.06 darjah sehingga kedua-dua planet tersebut kelihatan seolah-olah sebagai satu objek cerah apabila dilihat dengan mata kasar. Peristiwa planet Musytari dan Zuhal terlalu hampir ini pernah direkodkan berlaku pada tahun 1623 iaitu kira-kira 397 tahun lalu atau hampir 400 tahun yang lepas iaitu ketika di zaman Galileo Galilei. Fenomena yang unik dan jarang berlaku ini hanya boleh disaksikan sekali lagi pada tahun 2080 iaitu 60 tahun dari sekarang.

Mengambil kira Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) disebabkan oleh penularan wabak Covid-19 seperti yang diumumkan oleh Kerajaan, pelaksanaan program bagi fenomena ini telah disusun dan dijalankan secara dalam talian kepada orang awam. Selain itu, DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir telah berkenan untuk mengunjungi balai cerap Planetarium Negara bagi menyaksikan fenomena ini.

Pada lawatan tersebut, YBhg. Dato' Seri Dr Mazlan Othman telah menyampaikan taklimat mengenai Ijtimak Unggul (*Great Conjunction*) Planet Musytari dan Zuhal dan simulasi langit malam. Teleskop Mudah Alih turut disediakan di perkarangan Planetarium Negara untuk pencerapan langit malam secara lintas langsung melalui facebook dan youtube Planetarium Negara.

Sebarang maklumat lanjut, boleh menghubungi Pegawai Perhubungan Awam Planetarium Negara, Cik Amirah Faisal di talian 012 222 1770 atau menerusi e-mel amirah@planet.gov.my atau melayari Facebook Planetarium Negara.

TAMAT

**PLANETARIUM NEGARA
KEMENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
21 Disember 2020**